

Headline	FRIM-FITEC anjur seminar reka bentuk perabot		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	24 Nov 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	178,211
Page No	9	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	190 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,755
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,266



FRIM-FITEC anjur seminar reka bentuk perabot

INSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Pusat Sumber Teknologi Perabot MARA (FITEC) akan menganjurkan Simposium Reka Bentuk Perabot Nasional pada 26 dan 27 November ini di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Menurut kenyataan FRIM, seminar tersebut diadakan bertujuan menggalak dan mengukuhkan industri perabot Malaysia di peringkat global.

"Simposium ini dianjurkan dengan sokongan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan Negeri Sembilan, Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) dan Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB)," kata kenyataan tersebut.

Simposium tersebut dijangka dihadiri kira-kira 200 peserta dari kalangan usahawan perabot, pereka, kakitangan pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta pelajar institut pengajian tinggi (IPT).

Simposium yang bakal dirasmikan oleh Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad juga bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai pentingnya hubungan kait antara reka bentuk, bahan mentah, teknologi dan pasaran demi meningkatkan nilai eksport perabot negara.

Tiga penguceptama iaitu Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Dekan Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Madya Mohamad Omar Bidin; dan rakan kongsi Roland Berger Strategy Consultants Sdn. Bhd. Malaysia, John Low akan masing-masing menyampaikan pembentangan bertajuk, *Bahan Mentah/Inovasi/Potensi*; *Design as Pillar for Excellent Product*; dan *Cara untuk mempromosikan dan memasarkan produk*.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd. Latif Mohmod dan kedua-dua timbalannya Dr. Mohd. Nor Mohd. Yusoff dan Dr. Norini Haron juga akan menghadiri simposium tersebut.

Pakar-pakar FRIM akan membentangkan dua topik iaitu:

- Kepentingan Ujian Perabot untuk Memenuhi Kepuasan Pelanggan oleh Pengarah Bahagian Keluaran Hutan, Dr. Rahim Sudin.
- Sistem Pengeringan Suhu Tinggi oleh Ketua Program Pemprosesan Termaju dan Rekabentuk, Dr. Tan Yu Eng.

Untuk pendaftaran atau maklumat lanjut, hubungi Yanti Abdul Kadir (03-62797705 / yanti@frim.gov.my); Noor Azrieda Abdul Rashid (03-62797415 / azrieda@frim.gov.my) atau Siti Zaleha Ali (03-62797386 / sitizalehaali@frim.gov.my).